

Penarafan THE-QS

Lima daripada 20 IPTA tempatan duduki
tangga 100 universiti terbaik Asia

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

SETIAP kali kajian penarafan universiti dunia Times Higher Education - Quacquarelli Symonds Ltd (THE-QS) diumumkan pasti naib canselor universiti tempatan diajukan pelbagai soalan mengenai faktor turun naik kedudukan institusi masing-masing dan strategi melonjakkan kecemerlangan.

Kini, selepas THE-QS mengumumkan senarai kedudukan universiti dunia tujuh bulan lalu, organisasi berpangkalan di London itu turut menyenaraikan kajian penarafan peringkat Asia yang menyaksikan lima daripada 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan menduduki tangga 100 universiti terbaik.

Bagi Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, kajian julung kali diadakan itu menunjukkan usaha THES-QS membuat penarafan mengikut keperluan serantau kerana didapati kebanyakan universiti Asia cemerlang peringkat kebangsaan dan gagal menyaingi universiti terkemuka dunia.

"UKM sentiasa memperbaiki prestasi dan memandang serius maklum balas diterima, termasuk hasil penarafan ini.

"THE-QS cuba menyesuaikan data dikumpul, contohnya

membuat kajian di kalangan majikan yang merekrut siswazah Asia, namun banyak isu termasuk sosial, tidak diambil kira," katanya ketika dihubungi Berita Harian, baru-baru ini.

UKM diumumkan menduduki tempat ke-51 dan Universiti Malaya (39) mendahului universiti Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan pertama negara, Universiti Sains Malaysia (69), Universiti Teknologi Malaysia (UTM-82) dan Universiti Putra Malaysia (UPM-90).

Sharifah Hapsah berkata, bagi IPTA tempatan, pengambilan pelajar antarabangsa program prasiswazah sudah tidak diberi keutamaan. Justeru, penarafan rendah dalam aspek terbabit tidak bermakna tidak berkualiti, malahan patut disanjung.

"Kita harus berhati-hati dengan penarafan ini, kerana ia hanya kedudukan relatif sesebuah universiti dan tidak menggambarkan standard keseluruhan."

"Tidak dinafikan, IPTA masih kurang aktif dalam bidang penyelidikan, sekali gus mendorong kita memberi perhatian serius program berkenaan."

"Ia disebabkan perkembangan pesat IPT baru di mana tenaga pengajar universiti lama ada yang dipinjamkan kepada institusi berkenaan, sekali gus menjelaskan kegiatan penyelidikan serta penerbitan."

"Diharap IPTA dapat mantapkan semula kegiatan peny-



DEWAN Canselor Tun Abdul Razak UKM sering digunakan mahasiswa mengadakan aktiviti yang menjurus kepada peningkatan prestasi sekali gus melonjak kecemerlangan sejajar universiti bertaraf dunia.

elidikan, pendidikan dan pern比特an," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, pula berpendapat kriteria diguna pakai THE-QS tidak konsisten dan berubah-ubah, bagaimanapun dia bersyukur kerana UPM tersenarai dalam kelompok lima IPTA tempatan terbaik.

Ditanya bagaimana UPM berada di belakang UTM berbanding penarafan dunia tahun lalu, beliau berkata, data dikumpulkan THE-QS tidak diaudit dan didedahkan kepada

IPTA lain, jadi semua pihak hanya mempunyai data institusi masing-masing, sekali gus perbezaan tidak dapat dibuat.

"Saya mencadangkan, data kajian setiap IPT diaudit supaya jurang perbezaan dengan IPT lain dapat dikecilkan," katanya.

Nik Mustapha berkata, antara kriteria sukar dipenuhi UPM adalah dasar pengambilan pelajar antarabangsa yang membuatkan kami kehilangan markah 20 peratus, namun kami tiada masalah berkaitan maklum balas majikan terhadap graduan dihasilkan.

"Satu lagi kriteria mempergaruh markah adalah nisbah pensyarahan dan pelajar iaitu 1:13 berbanding 1:10 yang ideal seperti diperlukan THE-QS.


"Bagi menangani masalah ini, kami akan merekrut pensyarahan secara aktif, selain mengambil lebih ramai pelajar pascaijazah dan menjelang 2015 nisbah pensyarahan dan pelajar UPM akan stabil."

Beliau berkata, warga UPM perlu bekerja keras serta tidak berputus asa hanya kerana penarafan terbabit, selain menggunakan data itu untuk memperbaiki kelemahan.



“Kita harus berhati-hati dengan penarafan ini, kerana ia hanya kedudukan relatif sesebuah universiti dan tidak menggambarkan standard keseluruhan”

**Dr Sharifah Hapsah
Syed Hasan
Shahabudin**
Naib Canselor
UKM



“Saya mencadangkan, data kajian setiap IPT diaudit supaya jurang perbezaan dengan IPT lain dapat dikecilkkan”

**Dr Nik Mustapha
R Abdullah**
Naib Canselor
UPM